

aab

S'PURA BOLEH LABUR DI SEMUA SEKTOR DI MALAYSIA

Singapura - Pelaburan

T

KUALA LUMPUR, 1.2 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi jaminan kepada para pelabur Singapura bahawa mereka boleh melabur di semua sektor di Malaysia.

Tidak ada sektor dianggap +sensi tif+ dimana rakyat, Singapura diharam membuat pelaburan, katanya.

Perdana Menteri memheri jaminan itu pada pertemuan dua jam dengan rombongan pelaburan peringkat tinggi dari Singapura di pejabatnya di sini, pertemuan pertama antara Perdana Menteri dan sebuah rombongan perniagaan dari Singapura.

Pengarah Kajian Dasar dan Antarabangsa Singapura, Prof Tommy Koh, yang mengetuai rombongan 24 orang itu, memberitahu pemberita selepas pertemuan itu bahawa pelabur Singapura boleh membuat pelaburan dalam semua sektor di negara ini.

+Hakikatnya, kita telah mendengar daripada Datuk Seri Dr Mahathir bahawa Malaysia menyambut baik pelaburan dari Singapura, + katanya. -- Lagi

▼12/12/18-38MST

CNS6620

R GB 12-12 00134 BH228

aab

Singapura - Pelaburan 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata dasar itu merangkumi syarikat-syarikat kerajaan dan bukan kerajaan.

Rombongan itu juga diberi jaminan yang sama oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa mereka menghadiri satu taklimat di pejabatnya semalam.

Prof Koh berkata, Perdana Menteri menyebut tiga sektor -- industri pembuatan, pelancongan dan perkhidmatan -- sebagai bidang yang boleh diceburi oleh peniaga Singapura.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu peniaga-peniaga itu bahawa Malaysia tidak menghadapi sebarang masalah dalam membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keenam kerana kerajaan bercadang menggunakan simpanan dalam negeri disamping membuat pinjaman luar.

Pengerusi Lembaga Pembangunan Perdagangan Singapura, Alan C.Y. Yeo melahirkan keyakinan bahawa pelaburan Singapura di Malaysia akan meningkat hasil daripada pertemuan dengan Perdana Menteri. -- Lagi

▼12/12/18-43MST

CNS6632

R GB 12-12 00113 BH229

aab

Singapura - Pelaburan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

+Perdagangan antara kedua-dua negara sedang berkembang dengan pesat dan saya tidak terkejut bahawa dalam beberapa tahun lagi Malaysia akan menjadi rakan dagang utama Singapura, + katanya.

Encik Yeo, yang juga Pengerusi dan Pengarah Urusan Yeo Hiap Seng Limited, salah satu pengeluar makanan dan minuman terbesar di rantau ini, berkata terpulanglah kepada pemimpin-pemimpin perniagaan untuk menentukan langkah susulan yang perlu di ambil.

Presiden Persatuan Pengeluar-pengeluar Singapura Robert Chua Teck Chew berkata pertemuan itu membolehkan peniaga republik itu untuk mengetahui jenis pelaburan yang diminati oleh Malaysia dalam usahanya mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. -- Bernama

▼12/12/18-40MST